

## **KENYATAAN MEDIA**

### **URUSAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI RUMAH IBADAT SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN**

---

Putrajaya, 12 Jun 2020 - Kementerian Perpaduan Negara telah menerima beberapa pertanyaan mengenai prosedur pendaftaran perkahwinan di rumah ibadat.

2. Mengikut garis panduan Kementerian yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 10 Jun 2020 itu, pelaksanaan urusan perkahwinan di kuil, gereja, badan atau persatuan agama ditangguhkan sehingga 31 Julai 2020 berdasarkan kepada surat Ketua Pengarah Pendaftaran Negara bertarikh 12 Mei 2020.

3. Susulan itu, YB Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob juga telah mengumumkan pada sidang media harian beliau bertarikh 7 Jun 2020 bahawa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah membenarkan pendaftaran perkahwinan diadakan di 171 rumah ibadah yang diluluskan oleh KPN untuk beroperasi.

4. Oleh yang demikian, pasangan-pasangan yang ingin menjalankan pendaftaran perkahwinan di rumah ibadat diminta merujuk senarai rumah ibadat yang diluluskan dan sekiranya rumah ibadat yang dipilih masih belum menerima kelulusan untuk beroperasi, proses pendaftaran perkahwinan ini adalah tertakluk kepada garis panduan terkini oleh Jabatan Pendaftaran Negara yang telah menerima kelulusan MKN.

5. Buat masa ini, jumlah rumah ibadat yang diluluskan masih sama dan pihak Kementerian sedang meneliti permohonan yang telah diterima daripada beberapa rumah ibadat lain yang memohon untuk memulakan operasi. Permohonan-permohonan ini akan di bawa oleh pihak Kementerian kepada Mesyuarat Khas Menteri-Menteri untuk kelulusan dan pihak JPN juga perlu merujuk kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi mendapatkan senarai terkini rumah ibadat yang telah diluluskan untuk beroperasi termasuk operasi upacara pendaftaran perkahwinan.

6. Kementerian juga ingin menasihatkan orang awam supaya sentiasa merujuk kepada garis panduan terkini untuk maklumat pergerakan berkaitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ini bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan mengelakkan sebarang kekeliruan. Senarai garis panduan terkini ini boleh dirujuk di portal MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my).

## **Kementerian Perpaduan Negara**

12 Jun 2020

**-TAMAT-**

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8241

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (6)